

14 NOV 1998

APEC-Berita-Clinton/I

CLINTON KE KUALA LUMPUR WALAUPUN BERDEPAN DENGAN KRISIS IRAQ

WASHINGTON, 14 Nov (Bernama) -- Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton akan ke Kuala Lumpur pada Sabtu malam untuk menghadiri persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) walaupun berdepan dengan krisis Iraq dan siasatan pendakwaan yang sedang menjadi tumpuan dalam Kongres AS.

"Presiden akan pergi," kata jurucakap White House Joe Lockhart di sini pada Jumaat sebagai menjawab pertanyaan bertalu-talu mengenai sama ada Clinton akan membatalkan lawatannya ke Asia ketika Amerika bersiap sedia melancarkan serangan ketenteraan terhadap Iraq.

Bagaimanapun, Presiden itu hanya akan berlepas dari Washington pada Sabtu malam dan ini menimbulkan spekulasi beliau mungkin membatalkan lawatannya itu pada saat-saat akhir dan meminta Naib Presiden Al Gore menggantikannya.

Lockhart, bagaimanapun, berkata "Presiden sememangnya hendak pergi" dan menghadiri sidang kemuncak ekonomi 21 negara itu yang kemudiannya diikuti dengan lawatan ke Jepun, Korea Selatan dan Guam.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Clinton tidak akan mengadakan perbincangan satu sama satu, tetapi Lockhart berkata: "Secara terus terang saya tidak dapat mengetepikan kemungkinan isu (hak asasi manusia berhubung kes Datuk Seri Anwar Ibrahim) tidak akan dibangkitkan dalam cara lain."

Malaysia telah memberi amaran bahawa sebarang perbincangan mengenai bekas timbalan perdana menteri itu, yang kini dibicarakan terhadap tuduhan salah laku seks dan rasuah, merupakan campurtangan dalam hal ehwal dalaman negara.

Lockhart berkata: "Saya fikir kami berhak untuk menyuarakan pendapat kami dengan cara yang kami tentukan."

Sementara itu, Clinton yang mengaku melakukan salah laku seksual dengan pelatih White House Monica Lewinsky, bersetuju pada Jumaat untuk membayar Paula Jones, bekas kakitangan kerajaan Arkansas, US\$850,000 untuk menarik balik saman gangguan seksualnya -- tanpa memohon maaf atau mengaku salah -- menamatkan empat tahun pergelutan undang-undang yang mencetuskan prosiding pendakwaan terhadap beliau.

Sumpah yang dibuat oleh Clinton terhadap kes Jones itu yang telah membawa kepada perbicaraan yang bermula minggu depan di Jawatankuasa Kehakiman. Perbicaraan akan terus dijalankan semasa Clinton mengemukakan cadangan Amerikabagi menanganikrisis kewangan pada sidang kemuncak Apec di Kuala Lumpur.

Peguam bebas Kenneth Starr, yang menyiasat Presiden, pada Jumaat telah menghantar bukti baru hasil siasatan beliau kepada Kongres semasa Presiden bersetuju untuk menyelesaikan kes Jones.

Bukti baru Starr itu berkaitan tuduhan bahawa Clinton meraba pekerja sukarela White House Kathleen Willey dalam sebuah bilik dekat Pejabat Oval yang berpotensi memberikan bukti bagi sumpah bohong.

Sementara itu, Setiausaha Negara Madeleine Albright, pada sidang berita sebelum berlepas ke Kuala Lumpur, berkata beliau bercadang menemui isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, semasa lawatan beliau ke ibu negara Malaysia bagi menghadiri Apec minggu depan.

"Saya bercadang bertemu dengan beliau ... tujuannya bagi memberi isyarat bahawa kita mengambil berat terhadap apa yang terjadi kepada Anwar, yang ... telah menunjukkan pendirian jelas mengenai dedikasinya terhadap demokrasi dan pasaran ekonomi," katanya.

Albright tidak memberitahu secara khusus bila atau di mana perjumpaan itu akan diadakan.

-- BERNAMA

SAL RHM RON